

## **SOALAN LAZIM MENGENAI MEKANISME PELAKSANAAN PROGRAM KHAS BERAS PUTIH TEMPATAN BERSUBSIDI TAHUN 2025**

**1. Apakah objektif pelaksanaan Program Khas Beras Putih Tempatan Bersubsidi Tahun 2025?**

Program Khas Beras Putih Tempatan (BPT) Bersubsidi Tahun 2025 adalah ihsan terhadap kehidupan rakyat oleh Kerajaan MADANI untuk menstabilkan dan memulihkan bekalan BPT, memastikan keseimbangan di dalam industri dan memberi manfaat kepada kumpulan sasar dalam mendapatkan bekalan beras. Program ini adalah sebahagian daripada program transisi pembekalan beras putih di Malaysia di bawah Reformasi Industri Padi dan Beras yang telah dilaksanakan sejak Oktober 2024 yang antara lainnya adalah bagi menyelesaikan isu pembekalan BPT di pasaran secara tersusun dan holistik demi kesejahteraan semua pihak berkepentingan.

**Objektif utama** program ini adalah **untuk membantu rakyat terutama golongan berpendapatan rendah** di Semenanjung Malaysia mendapat bekalan beras pada harga berpatutan iaitu RM2.60 sekilogram (RM26/10 kilogram) dan seterusnya membantu mengurangkan kos sara hidup mereka.

**2. Apakah asas Kerajaan masih mengekalkan harga BPT pada harga RM2.60 sekilogram?**

Harga siling BPT telah ditetapkan pada kadar RM2.60 sekilogram sejak tahun 2008 yang mana pada waktu itu harga belian padi sekitar RM750 per tan metrik. Selepas 17 tahun, harga minimum belian bagi satu tan padi telah diselaraskan sebanyak dua kali iaitu RM1,200 pada tahun 2014 dan RM1,300 pada tahun 2024 dengan penyelarasan terkini adalah RM1,500 yang telah berkuat kuasa pada 16 Februari 2025, namun harga siling BPT masih tidak berubah. Penyelarasan harga lantai belian padi terkini dilaksanakan setelah mengambil kira kenaikan kos pengeluaran padi merangkumi kos upah dan kos input pertanian seperti baja, racun dan lain-lain.

Dalam situasi ini, pesawah mahu mendapatkan harga padi yang tinggi bagi meningkatkan pendapatan, pengilang dan pemborong pula ingin mengekalkan margin keuntungan manakala pengguna hendak mendapatkan beras berharga RM26 bagi 10 kilogram. Kesannya, **wujud ketidakseimbangan dalam industri kerana setiap penyelarasan harga lantai belian padi tanpa disertai dengan semakan harga siling BPT boleh menyebabkan pengeluar beras tidak**

**dapat menampung kos pengeluaran untuk mengeluarkan BPT RM2.60 sekilogram**, yang akhirnya menjejaskan bekalan BPT di pasaran.

Bagi mengekalkan harga jualan BPT pada kadar RM2.60 sekilogram, Kerajaan bersetuju untuk menyerap sebahagian kos pengeluaran BPT melalui pemberian subsidi sekitar RM150 juta bagi mengeluarkan kira-kira 24 juta kampak BPT 10 kilogram (4 juta kampak sebulan) di pasaran untuk tempoh enam bulan.

**3. Berapakah tempoh masa pelaksanaan Program Khas BPT Bersubsidi Tahun 2025?**

Kerajaan telah menetapkan tempoh **enam bulan bermula 1 Mac 2025 hingga 31 Ogos 2025** supaya kira-kira sebanyak **24 juta kampak BPT bersubsidi 10 kilogram (4 juta kampak sebulan)** dapat dijual secara berperingkat di pasaran.

**4. Berapakah harga bagi setiap kampak BPT bersubsidi?**

Gred BPT yang terlibat di dalam program ini adalah Super Spesial Tempatan 5% (SST5%) dengan harga kawalan maksimum di peringkat jualan runcit **masih dikekalkan pada kadar RM2.60 sekilogram**. Dengan kadar tersebut, setiap kampak BPT seberat 10 kilogram perlu **dijual pada harga maksimum RM26.00**.

**5. Dimanakah BPT bersubsidi ini boleh didapati?**

Syarikat pemborong yang dilantik akan mengedarkan BPT bersubsidi melalui saluran pengedaran pihak syarikat secara berperingkat mulai 1 Mac 2025 kepada **peruncit berlesen di seluruh Semenanjung Malaysia seperti rangkaian pasaraya, kedai runcit, premis jualan di bawah seliaan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)** termasuk Program Jualan Agro Madani serta program-program jualan anjuran jabatan/agensi Kerajaan yang terpilih di seluruh Semenanjung Malaysia.

**6. Adakah terdapat had pembelian bagi BPT bersubsidi?**

Penjual runcit berlesen yang sah diminta supaya mengenakan had pembelian BPT bersubsidi 10 kilogram sebanyak **maksimum dua (2) kampak bagi setiap keluarga terhad kepada warga negara Malaysia sahaja**. Penetapan had ini

bertujuan untuk memastikan lebih ramai pengguna berpeluang memperoleh bekalan BPT bersubsidi. **Kerjasama daripada peruncit dan pengguna amat diperlukan untuk memastikan kelancaran program ini.**

7. **Apakah langkah yang diambil untuk mengelakkan ketirisan dalam pengedaran BPT bersubsidi?**

Terdapat **dua langkah** kawalan yang dilaksanakan oleh Kementerian:

**Pertama – Penggunaan Teknologi AI (*RiceTag*).** Kementerian telah memperkenalkan penggunaan Sistem Kawalan dan Pengesanan Beras Digital (*RiceTag*) di setiap kimpit BPT bersubsidi yang dikeluarkan oleh pemborong. Melalui teknologi yang berteraskan kecerdasan buatan (*artificial intelligence, AI*), Kementerian dapat menjejak pengedaran BPT bersubsidi oleh pengeluar beras di pasaran dan seterusnya membantu Kerajaan dalam menangani ketirisan barangan bersubsidi;

**Kedua – Penguatkuasaan.** Mesyuarat Jemaah Menteri pada 7 Februari 2025 telah bersetuju dengan penubuhan Agensi Regulatori dan Penguatkuasaan Agromakanan (***Malaysian Agrofood Regulatory and Enforcement Agency, MAREA***) melalui penggabungan tujuh agensi penguatkuasaan di bawah KPKM yang melibatkan **1,200 penguatkuasa** dari Seksyen Kawalselia Padi dan Beras (KPB) KPKM, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Jabatan Perikanan (DOF), Jabatan Pertanian (DOA), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), FAM) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Pasukan MAREA telah digerakkan melaksanakan peranan penguatkuasaan dan kawalan dalam rantai pengedaran BPT bersubsidi di pasaran sejak 1 Mac 2025. Penguatkuasaan dan kawalan meliputi naziran dan audit kepada semua syarikat pemborong dan peruncit beras untuk memastikan pematuhan syarat-syarat yang ditetapkan. Tindakan penguatkuasaan akan dipergiatkan dari semasa ke semasa melalui operasi bersepadu/khas dengan jabatan/agensi penguatkuasaan lain sekiranya diperlukan bagi mencegah aktiviti manipulasi dan penyelewengan oleh peniaga.

8. **Apakah tanggungjawab peniaga dalam Program Khas BPT Bersubsidi Tahun 2025?**

Setiap syarikat pemborong yang menyertai Program Khas BPT Bersubsidi Tahun 2025 adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan.

Bagi memastikan program ini berjaya, peniaga (pemborong dan peruncit berlesen) adalah diingatkan supaya **tidak** melakukan perkara-perkara berikut:

- (i) mengenakan syarat jualan;
- (ii) menyorok bekalan;
- (iii) menjual melebihi harga kawalan;
- (iv) menyenggara rekod belian dan jualan; dan
- (v) lain-lain seperti yang diarahkan oleh Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras dari semasa ke semasa.

Tindakan perundangan di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522] dan perundangan-perundangan subsidiari di bawahnya akan diambil terhadap mana-mana peniaga yang ingkar.

**9. Bolehkah para peniaga membeli BPT bersubsidi?**

**Pembelian BPT bersubsidi hanya untuk kegunaan isi rumah** dan tidak boleh dibeli dan digunakan bagi tujuan komersial seperti peniaga makanan dan pengusaha restoran.

**10. Adakah warganegara asing boleh membeli BPT bersubsidi?**

**Bagi warganegara asing, mereka boleh mendapatkan bekalan beras putih import yang dijual di pasaran.** Kerjasama daripada peruncit amat diperlukan dalam memastikan penjualan BPT bersubsidi hanya untuk warga negara Malaysia sahaja.

**11. Mengapakah program ini tidak diperluaskan ke negeri Sabah dan Sarawak?**

Program ini hanya dilaksanakan di Semenanjung Malaysia sahaja. **Ketika ini, rakyat di negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan masih terus menikmati beras putih import bersubsidi** sejak 5 Oktober 2023 bagi mengatasi isu harga dan bekalan beras yang mahal.

**12. Mengapa Kerajaan tidak memberikan subsidi ke atas keseluruhan BPT yang dikeluarkan di dalam negara?**

Pemberian subsidi yang terlalu tinggi **boleh menjejaskan kemampuan kewangan Kerajaan.** Bagi maksud ini, Kerajaan perlu berhati-hati supaya setiap

sen yang dibelanjakan benar-benar memberikan manfaat kepada golongan sasaran serta **tidak berlaku ketirisan dan penyeludupan**. Harus diingat, harga BPT di Malaysia adalah antara yang terendah di rantau ASEAN. Untuk itu, Kerajaan perlu memastikan BPT bersubsidi ini tidak diseleweng dan diseludup keluar oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

**13. Adakah program ini akan ditamatkan selepas berakhir tempoh 6 bulan?**

Sebarang keputusan untuk meneruskan atau menamatkan program ini hanya akan diputuskan oleh Jemaah Menteri.

**14. Bagaimanakah pengguna ingin membuat aduan sekiranya terdapat kekurangan bekalan BPT atau ketidakpatuhan oleh peniaga dalam menjual BPT?**

Pengguna boleh mengemukakan aduan melalui laman sesawang <https://skpb.kpkpm.gov.my/adu> atau emel [aduankpb@kpkpm.gov.my](mailto:aduankpb@kpkpm.gov.my).

**Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan**  
**5 Mac 2025**